

# Kertas Bil. 97/2015



**MAKLUM BALAS PENYATA YANG TELAH  
DIBENTANGKAN SEMASA MESYUARAT  
KEDUA PENGGAL KETIGA  
DEWAN NEGERI SELANGOR  
YANG KETIGA BELAS  
PADA 17 – 20 OGOS 2015**

---

**PENYATA JAWATANKUASA PILIHAN KHAS MENGENAI KEUPAYAAN,  
KEBERTANGGUNGJAWABAN DAN KETELUSAN (SPECIAL SELECT  
COMMITTEE ON COMPETENCE, ACCOUNTABILITY AND  
TRANSPARENCY-SELCAT) BAGI DEWAN NEGERI SELANGOR  
BERKENAAN “PENYELENGGARAAN DAN PEMANTAUAN  
PERUMAHAN PPR NEGERI SELANGOR”**

**KERTAS BILANGAN 43/2015**

---

**MAKLUM BALAS PENYATA JAWATANKUASA PILIHAN KHAS MENGENAI KEUPAYAAN,  
KEBERTANGGUNGJAWABAN DAN KETELUSAN (SPECIAL SELECT COMMITTEE ON COMPETENCE,  
ACCOUNTABILITY AND TRANSPARENCY-SELCAT) BAGI DEWAN NEGERI SELANGOR BERKENAAN  
“PENYELENGGARAAN DAN PEMANTAUAN PERUMAHAN PPR NEGERI SELANGOR” YANG TELAH  
DIBENTANGKAN SEMASA MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA DEWAN NEGERI SELANGOR YANG KETIGA  
BELAS PADA 17 – 20 OGOS 2015**

BIL	TAJUK PENYATA	SARANAN	DITERIMA	DITOLAK	ULASAN / TINDAKAN MMKN
43	<b>PENYATA JAWATANKUASA PILIHAN KHAS MENGENAI KEUPAYAAN, KEBERTANGGUNGJAWAB AN DAN KETELUSAN (SPECIAL SELECT COMMITTEE ON COMPETENCE, ACCOUNTABILITY AND TRANSPARENCY-SELCAT) BAGI DEWAN NEGERI SELANGOR BERKENAAN “PENYELENGGARAAN DAN PEMANTAUAN PERUMAHAN PPR NEGERI SELANGOR”</b>	10.1 Jawatankuasa mencadangkan supaya Kerajaan Negeri mengambil langkah proaktif untuk menyelesaikan masalah milikan tanah Flat PPR, bidang kuasa, peruntukan dan pelaksanaan kerja-kerja pembaikan bangunan PPR. Proses penyerahan tanah dan pemberimilikan semula hendaklah dilakukan Kerajaan Negeri untuk semua tanah Flat PPR dengan segera.	√		Milikan tanah PPR Hicom di bawah Kerajaan Negeri.  PPR Kota Damansara di bawah PKNS dan sedang dalam proses untuk diwartakan di bawah Kerajaan Negeri  PPR Serendah di bawah KPKT dan Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor (LPHS) akan mengadakan perbincangan dengan pihak KPKT.

	<p>10.2 Jawatankuasa berpendapat bahawa PBT hendaklah dihentikan daripada dijadikan badan pengurusan dan pbaikan Flat PPR di Negeri Selangor. Sebaliknya PBT hendaklah fokus terhadap menyediakan perkhidmatan asas masyarakat setempat. Penubuhan agensi seperti PHSSB adalah langkah yang tepat untuk menyelesaikan masalah pengurusan Flat PPR.</p>		√	<p>Penyelenggaraan PPR-PPR adalah seperti berikut:</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. PPR Kota Damansara-Perumahan Hartanah Selangor Sdn. Bhd. (PHSSB)</li> <li>2. PPR Lembah Subang – Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ)</li> <li>3. PPR Hicom - Perumahan Hartanah Selangor Sdn. Bhd. (PHSSB)</li> <li>4. PPR Serendah - Perumahan Hartanah Selangor Sdn. Bhd. (PHSSB)</li> </ol> <p>Memerlukan satu kajian dan perbincangan sekiranya penyelenggaraan PPR Lembah Subang hendak diserahkan kepada PHSSB.</p>
	<p>10.3 Jawatankuasa menyarankan supaya Kerajaan Negeri memastikan supaya pemeriksaan berkala dilakukan secara proaktif dan bukan menunggu aduan untuk semua PPR di Negeri Selangor. Ia adalah untuk memastikan keselamatan penduduk PPR</p>		√	<p>Pemeriksaan berkala PPR sedang dilakukan oleh agensi penyelaras yang terlibat.</p> <p>Lantai koridor bangunan tidak dapat menampung bebanan penghadang konkrit tetapi hanya boleh menampung penghadang besi.</p>



		<p>terjaga menurut piawaian keselamatan antarabangsa untuk rumah pangsapuri. Jawatankuasa berpendapat penghadang konkrit lebih sesuai digunakan untuk mengelakkan vandalisme dan kecurian penghadang besi yang sentiasa berlaku.</p>			
	<p>10.4 Jawatankuasa menyarankan supaya kadar sewa di PPR di Negeri Selangor dinilai dari semasa ke semasa dengan kadar yang berpatutan. Kerajaan Negeri</p>	<p>√</p>		<p>Maka tidak dapat ditukar kepada penghadang konkrit tetapi penghadang besi ditambahbaik.</p> <p>Isu vandalisme mestilah ditangani dan menjadi tanggungjawab mereka yang mendudukinya memandangkan mereka telah diberi keistimewaan bayaran sewa yang rendah melalui subsidi oleh pembayar cukai.</p> <p>Pembentukan masyarakat yang berintergriti dan menghargai hak-hak awam perlu dibentuk dengan kerjasama Ahli-Ahli Yang Berhormat ADUN sekalian.</p> <p>Terdapat banyak program-program Kerajaan Negeri seperti K-KLIK, SEROJA dan kempen-kempen untuk menangani masalah tersebut.</p> <p>Kadar sewa di PPR Negeri Selangor akan dikaji dari semasa ke semasa bagi menampung kos pengurusan dan baik pulih PPR terlibat.</p>	

			hendaklah menampung kekurangan sehingga mencukupi untuk memastikan tahap keselamatan bangunan Flat PPR terjaga.			
			10.5 Jawatankuasa mencadangkan supaya PDRM membuka pondok polis yang beroperasi 24 jam di Flat PPR untuk menangani masalah sosial yang telah dibangkitkan oleh Persatuan Penduduk dan NGO. Penduduk hendaklah diberikan latihan atau kesedaran mengenai hak-hak mereka untuk dilindungi di bawah undang-undang.			Pihak LPHS akan mencadangkan kepada pihak PDRM
		√	10.6 Jawatankuasa menyarankan supaya pejabat pengurusan hendaklah dibuka di Flat PPR untuk mengambil kira bahawa penduduk Flat PPR adalah rata-ratanya rakyat miskin bandar yang tidak mempunyai pilihan untuk mengambil cuti pada waktu bekerja dan menaggung kos pengangkutan hanya untuk membayar sewa bulanan. Pejabat pengurusan untuk bayaran sewa dan			Telah dilaksanakan.  Waktu operasi pejabat pengurusan di PPR Hicom Isnin hingga Jumaat (8.30 pagi – 5.00 petang) dan Sabtu (8.30 pagi – 1.00 petang) Bilangan staf - 9 orang.  PPR Kota Damansara Isnin – Jumaat (8.30 pagi – 6.30 petang) dan Sabtu (8.30 pagi – 1.00 petang).

				Bilangan staf- 9 orang..
		sebagainya hendaklah dibuka di luar waktu pejabat untuk kemudahan mereka.		
	10.7	Jawatankuasa menyarankan supaya Kerajaan Negeri memastikan Flat PPR menyediakan kemudahan awam seperti dewan untuk kegunaan awam, fasiliti pengurusan jenazah, kenduri, program kanak-kanak seperti perpustakaan awam bergerak untuk memastikan penduduk tidak terdedah kepada bahaya fizikal dan gejala sosial semasa ibu bapa mereka sibuk bekerja. Di samping itu, hubungan antara kaum juga dapat dieratkan. Rata-ratanya penduduk Flat PPR tidak mampu mengupah pengasuh atau untuk menghantar anak kecil ke taska menyebabkan mereka terdedah kepada bahaya fizikal dan anasir-anasir tidak baik.		<p>Pembinaan PPR ini telah merangkai 10 tahun dan apabila pihak pengurusan mengambilalih adalah dalam keadaan seadanya.</p> <p>Maka pihak pengurusan dengan kekurangan ruang dan kewangan telah berusaha menjadikan kehidupan mereka lebih selesa seperti di PPR Hicom.</p> <p>1 ruang bacaan telah diwujudkan dengan bantuan Jabatan Kebajikan Masyarakat, Pusat asuhan kanak-kanak juga telah dibuka dengan bantuan LPHS.</p> <p>Aktiviti-aktiviti kemasyarakatan juga sering dianjurkan seperti Program Guntung Rambut Kanak-Kanak Sekolah dan Majlis Sambutan Hari Raya Bersama Penduduk.</p>



Disahkan oleh : .....  
**(Y.B. DATO' ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD)**  
Pengerusi Jawatankuasa Tetap perumahan,  
Pengurusan Bangunan Dan Kehidupan Bandar

Tarikh: 23 Oktober 2015